

Mahathir - Cabaran '''

I

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggariskan sembilan cabaran utama yang perlu diatasi untuk menjayakan wawasannya bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju, 30 tahun dari sekarang.

Cabaran paling besar yang disifatkannya sebagai +cabaran-cabaran strategik utama+ yang dihadapi oleh negara sejak mencapai kemerdekaan ialah penubuhan sebuah negara Malaysia yang bersatu dengan masa depan yang satu yang dikongsi bersama.

Negara ini perlu menjadi sebuah negara yang aman, bersepadu daripada segi wilayah dan kumpulan etniknya, yang hidup berharmoni dan dalam perkongsian yang menyeluruh lagi adil serta didiami oleh satu bangsa Malaysia yang setia daripada segi politik dan berdedikasi kepada negara, katanya dalam kertas kerja bertajuk: Malaysia Melangkah Ke Hadapan yang dibentangkan pada mesyuarat sulung Majlis Perdagangan Malaysia di sini semalam. Kertas kerja itu hanya diedarkan kepada pihak akhbar hari ini.

Lapan cabaran lain yang disenaraikan oleh Perdana Menteri ialah:

+ Mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas daripada segi psikologi, selamat dan maju, yang mempunyai keyakinan pada diri sendiri, berbangga dengan dirinya, apa yang telah dicapainya serta gigih menghadapi semua cabarang.

+ Untuk memelihara dan memajukan sebuah masyarakat yang matang dan demokratik, yang mengamalkan sistem demokrasi Malaysia yang berorientasikan masyarakat bermesyuarah yang boleh dijadikan contoh oleh negara-negara sedang membangun yang lain. -- Lagi.

♥01/03/17-09MST

U GB 01-03 00173 BA547

AAB

Mahathir - Cabaran 2 Kuala Lumpur

+ Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika sepenuhnya, yang rakyatnya kuat beragama dengan nilai-nilai kerohanian serta disemai dengan nilai-nilai etika yang paling tinggi.

+ Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi dengan setiap rakyat Malaysia daripada semua kaum bebas mengamal dan melaksanakan adat resam, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing; dan tetap merasakan bahawa mereka ialah dari sebuah negara.

+ Mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif yang inovatif dan berpandang ke depan; yang bukan sahaja sebagai pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

+ Mewujudkan masyarakat penyayang sepenuhnya dan kebudayaan penyayang; dengan sistem sosial masyarakat diutamakan lebih daripada diri sendiri, dengan kebajikan penduduk tidak akan berpusat pada kerajaan atau individu tetapi pada satu sistem kekeluargaan yang kuat dan kukuh.

+ Menjamin masyarakat yang adil daripada segi ekonomi dengan pembahagian kekayaan yang adil dan sama rata; dan

+ Mewujudkan masyarakat sentosa dengan ekonomi yang bersaing, dinamik, lasak dan kukuh sepenuhnya. -- Lagi.

♥01/03/16-49MST

BA548

R GB 01-03 00122

AAB

Mahathir - Cabaran 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam mencapai matlamat negara maju sepenuhnya, Malaysia tidak sepatutnya dimajukan daripada segi ekonomi sahaja.

+Malaysia harus menjadi sebuah negara yang dimajukan sepenuhnya daripada semua dimensi iaitu: ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan.

+Kita mesti maju daripada segi perpaduan nasional dan pengukuhan sosial, daripada segi ekonomi, daripada segi keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu kehidupan, nilai sosial dan kerohanian, kebanggaan dan keyakinan nasional, + tambah beliau.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia perlu menjadi sebuah negara maju dengan caranya tersendiri dan tidak perlu meniru mana-mana 19 negara maju.

Katanya, setiap 19 negara itu mempunyai kekuatannya dan juga kelemahannya sendiri. -- Bernama.

♥01/03/20-15MST